



Legenda

Seorang NEGARAWAN

Malaysia disegani dunia

Oleh WAN NORAZAH WAN CHIK

KEJAYAAN kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad begitu sinonim jika dikaitkan dengan perjuangan dunia ketiga khususnya dalam usaha memartabatkan dunia Islam di persada antarabangsa.

Kelantangan beliau dalam memperjuangkan pelbagai isu khususnya sosial, ekonomi dan kemanusiaan di negara-negara membangun menjadikan Malaysia dan Perdana Menteri sendiri begitu dikenali dan digeruni oleh dunia Barat.

Pelbagai isu antarabangsa dibangkitkan oleh Perdana Menteri malah beliau merupakan pemimpin dunia yang paling lantang memperjuangkan isu Palestin sejak mengambil alih teraju kepimpinan negara ini 22 tahun lalu.

Kejayaan demi kejayaan telah dicapai oleh Malaysia hasil idea bernas Perdana

Menteri yang disifatkan oleh ramai pihak sebagai idea yang berpandangan jauh sehingga beliau dinobatkan sebagai wira dunia ketiga.

Ketokohan beliau dalam membawa Malaysia keluar dari jurang kemiskinan untuk bersaing dengan negara maju turut diiktiraf bukan sahaja oleh negara dunia ketiga malah diakui dunia Barat.

Banyak dasar luar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir terutama apabila membabitkan kepentingan dunia ketiga dan dunia Islam kini dijadikan model oleh kebanyakan negara membangun.

Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau tidak dapat tidak akan mendapat ulasan dan diberi perhatian serius oleh para pemimpin dunia termasuk pemimpin negara kuasa besar dunia, Presiden Amerika Syarikat (AS) George W. Bush walaupun pada mulanya dengan angkuh mengatakan bahawa

mereka tidak akan menghiraukan sebarang kritikan beliau.

Jika dilihat dari segi kejayaan penganjuran sesuatu persidangan antarabangsa, Malaysia semakin membuktikan kemampuan tersebut sejak Dr. Mahathir menerajui negara ini.

Beliau berjaya menjadikan negara ini sebagai antara tuan rumah yang paling sukses dalam penganjuran pelbagai persidangan bertaraf antarabangsa dan ada ketikanya berjaya menandingi negara maju yang menganjurkan persidangan yang sama sebelum itu.

Kemampuan

Kemampuan Malaysia sebagai sebuah negara kecil menganjurkan persidangan bertaraf antarabangsa tidak boleh dipertikaikan terutama dengan kejayaan terbaru menganjurkan sidang kemuncak

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 11 hingga 18 Oktober lalu.

Penganjuran OIC mencatatkan kenangan paling manis kepada Perdana Menteri kerana ia merupakan sidang kemuncak antarabangsa yang terakhir diadakan di negara ini sewaktu pemerintahan beliau.

Pada awal tahun ini, Malaysia membuktikan kemampuan dengan berjaya menganjurkan sidang kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) pada 20 hingga 25 Februari.

Kejayaan penganjuran NAM sangat bermakna kepada Malaysia kerana ia adalah pertubuhan antarabangsa dianggotai oleh paling banyak negara selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sebelum itu, Malaysia telah menunjukkan kemampuan tersendiri apabila berjaya menganjurkan mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel

(CHOGM) di Langkawi pada 18 hingga 24 Oktober 1989 lalu.

Kejayaan itu diteruskan dengan penganjuran sidang kemuncak pakatan ekonomi Kumpulan 15 (G15) yang berlangsung serta meninggalkan titik manis kepada negara pada 3 hingga 5 November 1997.

Sementara itu, Malaysia juga berjaya menganjurkan sidang kemuncak Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 12 hingga 19 November 1998 sewaktu negara menghadapi pergolakan dalaman akibat penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika itu.

Walaupun sidang kemuncak tersebut dicemarkan oleh ulasan celupar oleh Al Gore yang ketika itu menjadi Naib Presiden AS, persidangan itu masih diakui sebagai antara sidang APEC yang paling berjaya.

